

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 20 MAC 2014 (KHAMIS)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Polis siasat rahsia simulator Kapten Zaharie	KOSMO
2.	FBI analisis simulator	Berita Harian
3.	Polis siasat tiga permainan	Utusan Malaysia
4.	MH370: Data simulator yang dipadam melibatkan tiga jenis permainan	BERNAMA
5.	Data simulator dipadam	Harian Metro
6.	Misteri simulator Zaharie	Harian Metro
7.	'Zaharie's simulator logs deleted'	New Straits Times
8.	Flight simulator's info erased	The Star
9.	Game logs on pilot's simulator deleted, says IGP	The Malay Mail
10.	Gempa bumi sederhana landa laut Banda	BERNAMA
11.	Angin kencang dan laut bergelora kategori kedua Sabtu ini	BERNAMA
12.	Siren amaran Tsunami di Tawau berfungsi dengan baik – Meteorologi	BERNAMA

KERATAN AKHBAR
KOSMO: MUKA SURAT 1
TARIKH: 20 MAC 2014 (KHAMIS)



KAPTEN ZAHARIE

SIMULATOR penerbangan milik Kapten Zaharie di rumahnya di Shah Alam.

Misteri kehilangan pesawat MAS MH370 HARI KE-12

Polis siasat rahsia simulator Kapten Zaharie

- **Malaysia tolak dakwaan MH370 terbang rendah di Maldives**
- **Pasukan peringkat tertinggi Malaysia ke Beijing untuk beri maklumat pesawat hilang**
- **Penganalisis IT India temui imej satelit pesawat terbang rendah di Kepulauan Andaman**

POLIS Diraja Malaysia (PDRM) kini berusaha untuk merungkai rahsia yang tersimpan dalam simulator milik juruterbang Penerbangan Malaysia (MAS) MH370, Kapten Zaharie Ahmad Shah yang mungkin boleh memberi petunjuk kepada kehilangan pesawat Boeing 777-200 itu.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar memberitahu, ketika ini polis sedang mengesan semula data log dalam simulator tersebut iaitu melibatkan tiga jenis permainan yang didapati telah dipadam

pada 3 Februari lalu.

Ketiga-tiga permainan tersebut iaitu *Flight Simulator X*, *Flight Simulator 9* dan *X Flight 10* dijumpai pihak polis dalam simulator yang diambil di rumah juruterbang itu pada Ahad lalu.

Usaha untuk mengesan dan meneliti data log simulator terbabit kini dilakukan oleh pakar-pakar yang terdiri daripada pasukan forensik dari Cybersecurity, MAS dan pakar luar.



KHALID ABU BAKAR

▶ BERITA DI MUKA 2,3,4 dan 48

**SAMBUNGAN...
KERATAN AKHBAR
KOSMO: MUKA SURAT 2
TARIKH: 20 MAC 2014 (KHAMIS)**

Polis rungkai rahsia simulator

SEPANG - Polis Diraja Malaysia (PDRM) sedang meneliti data log tiga jenis permainan simulator yang dijumpai dalam program simulator milik juruterbang pesawat Penerbangan Malaysia (MAS) MH370, Kapten Zaharie Ahmad Shah.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar berkata, tiga jenis permainan yang dijumpai itu adalah *Flight Simulator X*, *Flight Simulator 9* dan *X Flight 10*.

Beliau bagaimanapun, memberitahu, hasil penelitian pihaknya yang turut disertai oleh pakar forensik dari *Cybersecurity*, MAS dan pakar luar mendapati, data log kepada simulator milik juruterbang berkenaan telah dipadamkan pada 3 Februari lalu.

"Ketika ini, pakar-pakar tersebut sedang berusaha mengesan dan meneliti semula data tersebut," katanya pada sidang akhbar harian berhubung perkembangan kehilangan pesawat MAS MH370 di Hotel Sama-Sama di sini semalam.

Sidang akhbar itu turut dihadiri Pemangku Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein; Ketua Pegawai Eksekutif MAS, Ahmad Jauhari Yahya dan Ketua Pengarah Jabatan Penerbangan Awam, Datuk Azharuddin Abdul Rahman.

Menurut beliau, pihak polis telah mengambil simulator penerbangan tersebut dari rumah Zaharie di Shah Alam pada hari Ahad lalu untuk diperiksa.

"Berdasarkan kepada pemeriksaan yang dijalankan, pihak polis telah menjumpai tiga jenis permainan tersebut di dalam program simulator milik Zaharie dan kini kami sedang menjalankan penelitian ke atasnya," jelas beliau.

Sabtu lalu, pihak polis telah mengambil simulator penerbangan daripada rumah Zaharie di Shah Alam untuk diperiksa oleh pakar termasuk menjalankan penelitian ke atasnya, jelas beliau.

Mengulas lanjut, Khalid turut memberitahu, pihaknya mendapat



SIMULATOR milik Kapten Zaharie di rumahnya di Shah Alam.

kerjasama sepenuhnya daripada ahli keluarga Zaharie dan pembantu juruterbang, Fariq Abdul Hamid bagi membantu siasatan yang dijalankan.

"Perkara yang paling penting di sini adalah pihak polis mendapat kerjasama sepenuhnya daripada ahli keluarga Zaharie dan Fariq berhubung apa jua maklumat yang diperlukan bagi membantu siasatan," jelasnya.

Khalid menegaskan, fokus siasatan yang dijalankan di bawah Seksyen 130C Kanun Keseksaan itu masih menjurus kepada empat elemen iaitu rampasan, sabotaj, masalah peribadi dan psikologi.

Sementara itu, Hishammuddin mengesahkan bahawa pakar sedang berusaha mendapatkan kembali data yang telah dipadam daripada simulator itu.

"Kita telah berkongsi segala maklumat yang berkaitan kes ini dan ketika ini kepakaran tempatan dan antarabangsa telah digunakannya untuk memeriksa simulator juruterbang terbabit," katanya.

Hishammuddin turut memberitahu, pihaknya telah menerima segala maklumat berkaitan penumpang dari kesemua negara yang terlibat selain Rusia dan Ukraine.

Bagaimanapun, sehingga kini, tiada maklumat yang dapat mengaitkan mereka

Simulator milik Kapten Zaharie disiasat pakar



KERATAN Kosmo! 17 Mac 2014.

dengan kehilangan ini. Penerbangan MAS MH370 yang membawa 227 penumpang dan 12 anak kapal, hilang ketika dalam perjalanan dari Kuala Lumpur ke Beijing kira-kira sejam setelah berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur pada pukul 12.41 tengah malam 8 Mac lalu.



Info Solat

20 MAC 2014
18 JAMADILAWAL 1435H

	SUBUH	YUSUF	KUHLUM	ASMAH	MAGHRIB	ISYAK
K. LUMPUR	6:03	7:19	1:24	4:30	7:26	8:35
SHAH ALAM	6:03	7:19	1:24	4:30	7:26	8:35
SEREMBAN	6:01	7:17	1:22	4:27	7:24	8:33
MELAKA	6:00	7:16	1:21	4:26	7:24	8:32
JOHOR BAHRU	5:54	7:10	1:15	4:18	7:17	8:26
IPOH	6:05	7:18	1:27	4:34	7:29	8:37
P. PINANG	6:07	7:22	1:29	4:38	7:31	8:40
ALOR SETAR	6:07	7:22	1:29	4:38	7:31	8:40
K. TERENGGANU	5:56	7:12	1:18	4:26	7:20	8:29
KOTA BHARU	6:04	7:16	1:22	4:31	7:24	8:29
KUANTAN	5:57	7:13	1:18	4:24	7:20	8:29
KANGAR	6:07	7:24	1:29	4:39	7:31	8:40
TAWAU	4:58	6:14	1:19	3:27	6:22	7:30
KOTA KINABALU	5:04	6:20	1:26	3:35	6:28	7:37
KUCHING	5:29	6:41	1:50	3:54	6:53	8:01
MIRI	5:13	6:25	1:35	3:41	6:37	7:46

Kawalan Kawatan serantau dengan masa

KRONOLOGI KEHILANGAN PESAWAT MAS MH370

- 8 Mac 2014**
 - MH370 berlepas dari KLIA menuju ke Beijing pada pukul 12.41 pagi dan dijangka mendarat pada pukul 6.30 pagi. Bagaimanapun ia terputus hubungan dengan menara kawalan udara di Subang pada pukul 1.07 pagi ketika berada di ruang udara Vietnam di Laut China Selatan.
- 9 Mac 2014**
 - Pemangku Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein mengatakan kemungkinan juruterbang berpatah balik ketika dalam perjalanan.
- 10 Mac 2014**
 - Ketua Penguat Kuasa Maritim Malaysia Wilayah Timur, Datuk Nasir Adam mengesahkan tompokan minyak yang ditemui di perairan Laut China Selatan dekat Tok Bali, Kelantan bukan milik pesawat MH370.
- 11 Mac 2014**
 - Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar mendedahkan warganegara Iran, Pouria Nour Mohammad Mehrdad, 19, sebagai seorang daripada dua penumpang yang menaiki MH370 menggunakan pasport palsu.
 - Beliau turut mengumumkan siasatan menyentuh empat aspek iaitu pesawat itu dirampas, disabotaj, keadaan psikologi penumpang dan masalah peribadi antara penumpang pesawat.
- 12 Mac 2014**
 - Panglima Tentera Udara, Tan Sri Rodzali Daud memberitahu, data primary menunjukkan posisi satu penanda 200 batu barat laut Pulau Pinang pada pukul 0215 hari kejadian namun ia perlu dianalisis secara mendalam.
- 13 Mac 2014**
 - Ketua Pegawai Eksekutif MAS, Ahmad Jauhari memberitahu, kali terakhir transmisi enjin pesawat MH370 diterima adalah pada 1.07 pagi, Sabtu lalu dan pesawat dilaporkan berada dalam keadaan baik.
- 14 Mac 2014**
 - Usaha mencari pesawat MH370 yang hilang sejak Sabtu lepas terus dipergiatkan dan kini diperluaskan sehingga ke Lautan Hindi.
- 15 Mac 2014**
 - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mengesahkan bahawa transponder pesawat MH370 telah dimatikan di sempadan perairan Malaysia dan Vietnam pada hari kejadian.
 - Pesawat MH370 berkemungkinan berada di Koridor Utara dari sempadan Kazakhstan dan Turkmenistan hingga ke utara Thailand dan Koridor Selatan iaitu dari Indonesia selatan ke selatan Lautan Hindi.
- 16 Mac 2014**
 - Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar mengklasifikasikan kehilangan pesawat MH370 sebagai rampasan kapal terbang oleh pengganas dan kes itu disiasat mengikut Seksyen 130 C Kanun Keseksaan atau Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012.
- 17 Mac 2014**
 - Pemangku Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein memberitahu operasi SAR telah melibatkan 26 negara dengan penglibatan terbaharu Rusia. Kementerian Luar menghantar nota diplomatik ke negara-negara di koridor utara dan selatan bagi memohon bantuan menyertai SAR di udara, laut dan darat.
- 18 Mac 2014**
 - Pemangku Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein memberitahu, fokus siasatan terhadap kehilangan pesawat MH370 tertumpu kepada mengumpul maklumat satelit dan radar, menambah aset udara dan permukaan serta menambah pakar teknikal.
- 19 Mac 2014**
 - Pemangku Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein mengesahkan laporan mengenai pesawat MH370 berada di Maldives tidak tepat.
 - Beberapa data di dalam simulator juruterbang pesawat MH370, Kapten Zaharie Ahmad Shah dipadamkan pada 3 Februari lalu dan beberapa pakar dari dalam dan luar negara sedang cuba mendapatkan semula dan menyasat data berkenaan.

LAKI BERITA DAN GAMBAR DI MUKA 3, 4 dan 48

FBI analisis simulator

» Pakar luar negara berusaha dapatkan log data hilang

► Washington

Biro Siasatan Persekutuan (FBI) secara rasmi menyertai siasatan kehilangan pesawat MH370 dan dijangka mula menganalisis komputer dan simulator yang diambil dari rumah Kapten Zaharie Ahmad Shah, minggu ini.

Menurut laporan *USA Today*, seorang pegawai penguat kuasa perundangan persekutuan Amerika Syarikat berkata, komputer dan simulator itu berkemungkinan besar dihantar ke makmal FBI di Quantico, Virginia.

Sementara itu, Peguam Negara AS, Eric Holder, kedua-dua kerajaan sudah mengadakan "perbincangan berteru-

san mengenai bagaimana kita boleh membantu."

"Kita bekerjasama dengan pihak berkuasa, tetapi kita tidak mempunyai sebarang teori (mengenai punca kehilangan pesawat itu)," katanya di sini semalam.

Sejak kehilangan pesawat itu, FBI dan Jabatan Keadilan AS menawarkan diri untuk

“**Kita bekerjasama dengan pihak berkuasa, tetapi kita tidak mempunyai sebarang teori (mengenai punca kehilangan pesawat itu)**”

Eric Holder,
Peguam Negara AS

membantu Kerajaan Malaysia, tetapi sehingga kini tidak dijemput secara rasmi untuk menyertai siasatan.

Log dipadam

Sementara itu, di Sepang, Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar, berkata siasatan terhadap simulator Kapten Zaharie mendapati log data-tanya telah dipadamkan pada 3 Februari lalu, tetapi kandungannya tidak diketahui.

Justeru, polis dengan bekerjasama CyberSecurity Malaysia, Penerbangan Malaysia (MAS) dan pakar luar negara sedang berusaha mendapatkan semula data serta maklumat yang dipadamkan serta maklumat lain dalam simulator.

Teliti log data

"Mereka sedang meneliti log data yang dipadamkan daripada simulator yang diambil dari rumah Zaharie pada Ahad lalu," katanya pada si-

dang media semalam.

Khalid juga berkata, siasatan mendapati simulator berkenaan mempunyai tiga permainan penerbangan, iaitu Flight Simulator X, Flight Simulator Nine dan Flight Simulator X Plane 10.

"Pakar kita sedang menelitinya. Tetapi, apa yang penting, semua ahli keluarga juruterbang dan pembantu nya memberikan kerjasama penuh dalam siasatan," katanya.

Khalid juga menegaskan, semua penumpang, juruterbang dan kru MH370 tidak boleh dikaitkan dalam kehilangan itu sehingga dibuktikan.

Beliau turut meminta semua pihak tidak membuat sebarang spekulasi yang mungkin menyukarkan keluarga penumpang MH370 yang mengharungi tempoh amat mencabar tanpa sebarang khabar berita selepas 12 hari pesawat itu hilang.



KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (MH370) : MUKA SURAT 5
TARIKH : 20 MAC 2014 (KHAMIS)

Data log dipadam dalam sistem simulasi penerbangan Zaharie

Polis siasat tiga permainan

SEPANG 19 Mac - Polis Diraja Malaysia (PDRM) sedang menyiasat tiga jenis permainan dalam sistem simulasi penerbangan milik juruterbang pesawat MH370, Kapten Zaharie Ahmad Shah yang dipercayai mempunyai hubungan kait dengan kehilangan pesawat itu sejak 8 Mac lalu.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar (**gambar**) berkata, tiga jenis permainan yang sedang disiasat itu ialah *Flight Simulator X*, *Flight Simulator 10* dan *X Flight 10* yang terdapat dalam sistem berkenaan.

"Sistem simulasi penerbangan yang diambil pada Ahad lalu didapati mengandungi tiga jenis permainan itu. Setelah diteliti kita dapati ada data log kepada permainan itu yang telah dipadamkan pada 3 Februari lalu," katanya dalam sidang akhbar bersama di Pusat Media Hotel Sama-Sama di sini hari ini.

Yang turut hadir Pemangku Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Hishamuddin Tun Hussein; Ketua Pengarah Jabatan Penerbangan Awam (DCA), Datuk Azharuddin Abdul Rahman dan Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia Airlines (MAS), Ahmad Jauhari Yahya.

Pada Ahad lalu, polis mengambil sistem simulasi penerbangan itu dari



SISTEM simulasi penerbangan pesawat Boeing 777 yang dimiliki Kapten Zaharie Ahmad Shah di rumahnya.

rumah Zaharie di Shah Alam untuk diperiksa oleh pakar dan kemudian alat tersebut dipasang semula di Ibu Pejabat Polis Bukit Aman.

Sebuah akhbar semalam melaporkan peralatan yang diambil dari rumah Zaharie itu mengandungi perisian latihan mendarat di lima landasan kapal terbang di kawasan ko-

ridor utara dan selatan antaranya Lapangan Terbang Antarabangsa Male di Maldives, sebuah lapangan terbang milik Amerika Syarikat di Diego Garcia dan tiga lagi landasan di India dan Sri Lanka.

Berikutan itu Khalid berkata, pihaknya sedang bekerjasama dengan pakar forensik dari **Cyber Security**

Malaysia, MAS dan luar negara untuk mengesan serta meneliti semula data tersebut.

Beliau berkata, selepas itu baru pihaknya dapat mengesahkan sama ada kehilangan pesawat jenis Boeing 777-200 itu mempunyai kaitan dengan dakwaan juruterbang berumur 53 tahun itu pernah

belajar mendarat di beberapa lapangan terbang di bahagian koridor selatan dan utara menggunakan sistem simulasi penerbangan tersebut.

Mengulas lanjut beliau berkata, pihaknya mendapat kerjasama baik daripada ahli keluarga juruterbang dan pembantu juruterbang, Fariq Abdul Hamid bagi membantu siasatan polis.

"Apa yang penting bagi kami sekarang ialah keluarga kedua-dua juruterbang dan pembantunya memberikan kerjasama penuh kepada polis dan mereka juga tiada masalah memberikan maklumat penting," katanya.

Ditanya sama ada fokus siasatan polis sudah berubah dengan siasatan terhadap sistem simulasi penerbangan itu, Khalid menegaskan, pihaknya masih memfokuskan kepada empat elemen utama iaitu rampasan, sabotaj, masalah peribadi dan psikologi dalam kalangan krew serta penumpang.

Dalam sidang akhbar semalam, Ahmad Jauhari mengesahkan kedua-dua juruterbang dan pembantunya itu tidak pernah menerbangkan mana-mana pesawat MAS ke kawasan di bahagian koridor selatan dan utara yang menjadi lokasi baharu operasi mencari dan menyelamatkan dijilankan.



MH370: Data Simulator Yang Dipadam Libatkan Tiga Jenis Permainan

SEPANG, 19 Mac (Bernama) -- Maklumat yang dipadamkan dalam simulator milik juruterbang Malaysia Airlines MH370 yang hilang sejak 8 Mac, Kapten Zaharie Ahmad Shah adalah data log daripada tiga jenis permainan penerbangan.

Ketua Polis Negara Tan Sri Khalid Abu Bakar berkata hasil siasatan awal mendapati data log daripada simulator itu dipercayai dipadamkan pada 3 Feb lepas.

"Tiga jenis permainan dalam simulator itu adalah 'flight simulator X', 'flight simulator 9' dan 'X flight 10'," katanya pada sidang media harian mengenai perkembangan terbaharu operasi mencari dan menyelamatkan MH370 di sini Rabu.

Sidang media itu dihadiri pemangku Menteri Pengangkutan Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein, Ketua Pegawai Eksekutif MAS Ahmad Jauhari Yahya dan Ketua Pengarah Jabatan Penerbangan Awam (DCA) Datuk Azharuddin Abdul Rahman.

Simulator itu diambil pada 16 Mac lepas dari rumah Zaharie di Shah Alam untuk dibawa ke Bukit Aman dan diperiksa, dengan harapan memberi penunjuk bagi mencari pesawat itu.

Penerbangan MAS MH370 yang membawa 227 penumpang (termasuk dua bayi) dan 12 anak kapal, hilang ketika dalam perjalanan dari Kuala Lumpur ke Beijing kira-kira sejam setelah berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa KL pada 12.41 tengah malam Jumaat.

Pesawat sepatutnya mendarat di Beijing pada 6.30 pagi Sabtu.

Khalid juga berkata data yang dipadam itu akan diperoleh semula melalui kaedah forensik dengan melibatkan pakar dari CyberSecurity Malaysia, pakar luar negara dan MAS.

Katanya keluarga Zaharie dan keluarga pembantu juruterbang Fariq Abdul Hamid juga memberikan kerjasama sepenuhnya sepanjang proses penyiasatan berlangsung.

"Apa juga yang kami perlukan, semua anggota keluarga juruterbang dan pembantu juruterbang telah beri sepenuh kerjasama dan tiada masalah untuk kami dapatkan sebarang maklumat," katanya.

-- BERNAMA



Data simulator dipadam

Pakar forensik tempatan, luar negara teliti peranti juruterbang

Sepang

Pemangku Menteri Pengangkutan Datuk Seri Hishammuddin Hussein menasihatkan ahli keluarga penumpang MH370 supaya tidak melayan spekulasi liar kerana ia akan memburukkan lagi keadaan emosi mereka.

Malah beliau menegaskan juruterbang, kru dan penumpang pesawat itu tidak bersalah selagi belum dibuktikan bersalah.

Berikut sedutan sidang media harian yang diadakan di Hotel Sama Sama, semalam.

Perkembangan operasi mencari dan menyelamat (SAR) MH370 di dua Koridor Utara dan Selatan

Operasi SAR kini lebih bersifat antarabangsa di mana fokus kami kekal iaitu meneruskan carian pesawat MH370.

Kami kini sedang mengedalikan skop carian di koridor berkenaan dengan meneliti maklumat satelit termasuk menganalisa data radar, meningkatkan aset di laut dan udara serta meningkatkan kepakaran berkaitan teknikal.

Operasi SAR kini lebih mencabar kerana membabitkan urusan diplomatik serta berkaitan aspek teknikal dan logistik.

Pada masa sama, pasukan teknikal utama dipecahkan kepada tiga kumpulan di mana pasukan diplomatik diketuai Menteri Luar Malaysia, pengurusan kerahan aset dan logistik pula diketuai Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan keseluruhan pusat operasi diketuai Jabatan Pener-

angan Awam (DCA).

Selain itu, secara lisan semua 26 negara yang terabit di kawasan operasi SAR sudah bersetuju menyokong operasi itu.

Malah, Malaysia juga sudah menulis surat rasmi kepada semua negara itu bagi meminta sokongan berkenaan.

Jumlah aset yang dijanjikan sebelum ini juga sedang dalam proses pelepasan kebenaran diplomatik untuk memulakan operasi.

Sebaik saja mereka menerima pelepasan rasmi, kami akan mempercepatkan penghantaran aset ke lokasi carian di koridor berkenaan.

Saya juga ingin sahkan kami sudah menerima beberapa maklumat data radar daripada beberapa negara, namun tidak boleh didedahkan buat masa ini.

Saya merayu kepada semua negara berkaitan untuk terus secara sukarela berkongsi sebarang maklumat yang boleh membantu operasi SAR.

Saya baru berjumpa dengan delegasi dan pasukan teknikal dari Perancis, pagi tadi (semalam).

Mereka mempunyai pengalaman dalam tragedi pesawat Air France yang mengambil masa dua tahun untuk menemui kotak hitam.

Pengalaman mereka akan membantu kita buat keputusan selanjutnya.


Saya juga sudah bercakap dengan laksana dari China dan mereka cuba untuk mengenal pasti kelengkapan sesuai membantu kita dalam operasi ini.

Pakar Perancis yang saya temui menyatakan penemuan kotak hitam penting dan kelengkapan canggih digunakan boleh membantu.

Setakat ini, negara yang boleh membantu di Koridor Selatan Australia dan Indonesia.

Laporan media mendakwa melihat pesawat dipercayai MH370 di ruang udara Maldives serta dakwaan penemuan pesawat sama dikesan radar tentera milik Thailand

(Hishammuddin)



KELUARGA melihat KD Kasturi dan KD Lekiu berlepas di Jeti Operasi Pangkalan Tentera Laut Diraja Malaysia Lumut.

Saya hanya boleh sahkan bahawa Panglima Angkatan Tentera, Tan Sri Zulkefli Mohd Zin sudah menghubungi rakan sejawatnya di Maldives sebelum mengesahkan laporan itu tidak benar.

Saya sedar mengenai spekulasi tersebar itu.

Perkembangan siasatan lanjut terhadap penumpang dan kru pesawat MH370

Ketua Polis Negara Tan Sri Khalid Abu Bakar mengklasifikasikan siasatan kes mengikut Seksyen 130C Kanun Keseksaan di mana semua kru dan kakitangan di lapangan yang mengendalikan pesawat berkenaan di landasan turut disiasat.

Kami juga berkongsi maklumat relevan berkaitan kes berkenaan kepada agensi siasatan antarabangsa.

Kami sudah menerima maklumat latar belakang penumpang dari semua negara kecuali dari Ukraine dan Rusia yang mana turut berada di dalam pesawat.

Perkembangan siasatan alat simulator penerbangan milik juruterbang MH370, Kapten Zahari Ahmad Shah

(Hishammuddin)

Pakar tempatan dan antarabangsa sudah dikerah untuk meneliti dan menyiasat alat simulasi penerbangan juruterbang itu.

Beberapa data sudah dipadamkan daripada alat simulasi itu, namun pasukan forensik sedang cuba mendapatkan semula maklumat berkenaan.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memaklumkan juruterbang, kru dan penumpang tidak bersalah selagi belum dapat dibuktikan.

Saya menasihati ahli keluarga penumpang dan kru supaya tidak melayan spekulasi liar kerana ia dikhuatiri memburukkan lagi keadaan.

(Ketua Polis Negara Tan Sri Khalid Abu Bakar)

Pakar siasatan forensik termasuk dari Cyber Security, MAS dan pakar luar negara sedang menelitinya.

Maklumat yang sudah dipadamkan adalah data rekod dan fail simulasi dalam alat simulasi itu.

Ada beberapa orang pakar dalam siasatan.

Siasatan terhadap alat simulasi itu menemui maklumat tiga permainan iaitu Flight Simulator X, Flight Simulator 9 dan X Flight 10.

Pakar sedang meneliti alat itu dan apa yang penting ahli keluarga memberikan kerjasama sepenuhnya.

Apa saja diperlukan kedua-dua keluarga juruterbang dan pembantu juruterbang memberikan segala diperlukan.

Kami tak ada masalah untuk mendapatkan maklumat.

Apa yang kami dapati dari rekod data simulasi permainan dipadamkan pada 3 Februari lalu. Namun, pakar sedang melihat fail simulasi dipadam itu.

Pendekatan dan usaha dilakukan Malaysia untuk menenangkan ahli keluarga penumpang dan kru pesawat

(Hishammuddin)

Malaysia juga menghantar pasukan peringkat tertinggi ke Beijing, China bagi memberi taklimat terkini operasi SAR kepada ahli keluarga penumpang di negara itu.

Pasukan itu termasuk wakil dari Pejabat Perdana Menteri (PMO), Kementerian Luar, Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Jabatan Penerbangan Awam (DCA).

Pasukan berkenaan diketuai Komander Operasi Uda-

"Operasi SAR lebih mencabar kerana babitkan urusan diplomatik"
Hishammuddin Hussein

ra TUDM Datuk Seri Ackbal Abdul Samad dibantu Pengarah Perkhidmatan Trafik Udara DCA Ahmad Nizar Zolfakar termasuk juruterbang kanan MAS.

Ahli keluarga penumpang mendakwa Malaysia tidak berkebolehan dalam menangani insiden pesawat MH370

Saya faham apa yang mereka tempuhi sekarang dan emosi mereka sangat tinggi.

Hal ini juga kita bincangkan dengan delegasi dari Perancis (berpengalaman menangani insiden Air France).

Dalam keterangan awal tadi saya turut tekankan ketutamaan kami adalah menguruskan emosi mereka.

Kita sudah hantar satu pasukan peringkat tertinggi ke Beijing dan saya harap serta merayu semua orang bahawa kami melakukan yang terbaik. Ia memang menyayat hati.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 10
TARIKH: 20 MAC 2014 (KHAMIS)

10 | Setempat

KHAMIS
20 MAC 2014 **Harian Metro**

SELANG: Maklumat yang dipadankan dalam simulator milik juruterbang Penerbangan Malaysia MH370, Kapten Zaharie Ahmad Shah adalah data log daripada tiga jenis perisian permainan penerbangan (flight simulator).

Ketua Polis Negara Tan Sri Khalid Abu Bakar berkata, hasil siasatan awal mendapati data log daripada simulator itu dipercayai dipadankan pada 3 Februari lalu.

"Tiga jenis (perisian) permainan dalam simulator itu adalah 'flight simulator X', 'flight simulator 9' dan 'X flight 10'," katanya pada sidang media harian mengenai perkembangan terbaru operasi mencari dan menyelamatkan MH370 di sini semalam.

Hadir sama Pemangku Menteri Pengangkutan Datuk Seri Hishammuddin Hussein, Ketua Pengarah Jabatan Penerbangan Awam (DCA) Datuk Azharuddin Abdul Rahman dan Ketua Pegawai Eksekutif MAS Ahmad Jauhari Yahya.

Simulator itu diambil pada 16 Mac lalu dari rumah Zaharie di Shah Alam untuk dibawa ke Bukit Aman dan diperiksa, dengan harapan memberi petunjuk bagi mencari pesawat itu.

Khalid berkata, data yang dipadam itu akan diperoleh semula melalui kaedah forensik dengan membabitkan pakar dari **CyberSecurity Malaysia**, pakar luar negara dari MAS.

Penerbangan yang membawa 227 penumpang (termasuk dua bayi) dan 12 anak kapal itu, hilang ketika dalam perjalanan dari Kuala Lumpur ke Beijing kira-kira sejam setelah berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa KL pada 12.41 tengah malam Sabtu, 8 Mac lalu. Pesawat sepatutnya mendarat di Beijing pada 6.30 pagi.

Sementara itu, Hishammuddin berkata, selain Zaharie, semua penumpang dan anak kapal dalam pesawat itu kini dikategorikan sebagai suspek bagi membantu siasatan kes berkenaan.

"Polis mengklasifikasikan siasatan mengikut Seksyen 130C Kanun Keseksaan (yang membolehkan penyiasatan bagi kesalahan rampasan, sabotaj, tindakan keganasan). Bagaimanapun, mereka tidak bersalah selagi tidak dibuktikan bersalah," katanya.


Dalam perkembangan sama, seorang pakar dalam industri aeroangkasa berpendapat alat simulasi yang dipasang di rumah Zaharie bukan perkakasan simulasi sebenar seperti didakwa sesetengah pihak.

Menurut pakar itu, alat simulasi berkenaan jelas menunjukkan ia hanya permainan yang boleh dimuat turun atau dibeli di mana-mana kedai perisian.

"Alat simulasi sebenar pesawat bukan boleh dibeli secara suka-suka kerana ia memerlukan pensijilan badan berkaitan yang kemudiannya dipasang dalam kokpit," katanya.

Menurutnya, alat simulasi sebenar boleh memberi pengalaman situasi tertentu dalam penerbangan seperti cuaca dan keadaan pendaratan yang tidak boleh ditiru perisian dijual di pasaran.

"Saya yakin 100 peratus alat simulasi yang terdapat di rumah Kapten Zahari hanyalah komputer peribadi (PC) dengan perisian permainan saja," katanya.



MISTERI SIMULATOR ZAHARIE



Microsoft Flight Simulator X dan 9

- Kali pertama diperkenalkan pada 1976 menggunakan simulasi 3D
- Direka pakar grafik, Bruce Artwick
- Sejak 1976, sudah 10 kemas kini perisian dilakukan
- 24,000 lapangan terbang dimasukkan
- Pembangunan perisian lain boleh menambah input dalam aplikasi
- Misi penerbangan boleh dimuat turun dan dikongsi melalui ruangan forum
- Digerakkan melalui 'joystick', papan kekunci, tetikus atau konsol permainan Xbox
- Enam instrumen arahan dalam kokpit termasuk instrumen juruterbang statik, Giroskopik, Ruang Udara dan Ketepatan, Kuasa Giro, Indikator Kelajuan Vertikal (VSI), 'Flaps', Pendaratan
- Mempunyai buku log digital yang merekodkan penerbangan
- Mengandungi simulasi 16 pengeluar pesawat termasuk Boeing



X-Plane 10

- Memiliki 30 jenis pesawat yang sudah ditetapkan (boleh ditambah kepada 1,400 model pesawat lain)
- 33,000 lapangan terbang disediakan
- Pengguna boleh memuat turun keadaan cuaca dan memasukkannya dalam perisian ini.
- Simulasi sistem pesawat yang rosak juga dimasukkan dalam X-Plane 10
- Sudut pandangan bumi pada latitud 74 darjah utara hingga 60 darjah selatan
- Model pesawat kecil termasuk Bell 206 JetRanger dan Cessna 172
- Model terbesar termasuk Space Shuttle dan B-2 Bomber.
- Boleh dimainkan untuk PC Macintosh, Windows atau Linux
- Dihubungkan melalui Internet dan berkongsi simulasi bersama pemain lain
- Kokpit dalam bentuk 3D


SAMBUNGAN... KERATAN AKHBAR HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 11 TARIKH: 20 MAC 2014 (KHAMIS)

Harian Metro

KHAMIS
20 MAC 2014

Setempat

11
A



Kenali simulator

TAHAP 3

- Merujuk simulator persendirian menggunakan komputer, mempunyai ketepatan realiti penerbangan hampir 90 peratus.
- Antara kemudahan perisian termasuk latihan pendaratan kecemasan dan laluan penerbangan pesawat komersial mengikut Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO).
- Boleh belajar cara pengendalian, sistem dan keupayaan pesawat, selain latihan pendaratan di landasan meliputi 70 negara seluruh dunia termasuk landasan pangkalan tentera.
- Altitud, had laju dan semua bahagian pesawat boleh diselaraskan dalam simulator supaya juruterbang dapat menyesuaikan diri dengan ketahanan serta had pesawat.

TAHAP 5

- Merujuk simulator binaan sendiri
- Tidak menggambarkan realiti penerbangan sebenar
- Data diperuntukkan hanya untuk kegunaan persendirian.
- Tidak boleh dijadikan asas pencapaian berikutan setiap elemen pesawat dalam perisian itu seperti tekanan, altitud dan sensitiviti tidak mewakili keadaan sebenar, sebaliknya hanya dijadikan sebagai hobi untuk mengisi masa lapang.

TAHAP D


- Digunakan akademi penerbangan.
- Mirip kokpit pesawat sebenar mengikut model dikehendaki dan biasanya ditawarkan pada harga lebih RM10 juta seunit.
- Mengandungi semua sistem pesawat termasuk tujuhan, pengendalian sayap, ekor, radar dan teknologi terkini mengikut model pesawat.
- Kokpit yang 100 peratus menyerupai pesawat sebenar dan skrin paparan juruterbang memberikan realiti ketika penerbangan.
- Sekiranya wujud sebarang masalah ketika penerbangan seperti altitud pesawat terlalu rendah atau had laju tidak sesuai, sistem amaran akan berfungsi supaya juruterbang peka dan belajar menangani situasi itu.

Fungsi

- Mampu meningkatkan kecakapan juruterbang membuat persediaan, terutama bagi menghadapi pelbagai cabaran luar jangka seperti perubahan cuaca, corak muka bumi dan kerosakan pesawat.
- Simulator mampu menyimpan rekod seperti log penerbangan, pelan penerbangan serta lokasi ia diterbangkan.
- Log berkenaan biarpun dipadam tetap boleh dikesan semula menggunakan perisian tertentu dan ini akan membantu mengenal pasti ke mana atau bagaimana seseorang menggunakan program ini membawa pesawat sehingga ke destinasi akhir.
- Sesiapa saja boleh membawa pesawat sekiranya berlatih menggunakan simulasi ini kerana di dalamnya turut terdapat cara dan laluan untuk mengelak daripada radar.
- Pemain juga boleh berhubung dengan rakan di luar negara atau di mana saja untuk berlatih bersama menggunakan simulasi ini.
- Mereka yang mahir menggunakan perisian itu boleh mencipta skrip sendiri menggunakan Adventure Basic Language (ABL) supaya boleh terbang menggunakan situasi yang diingini.
- Dalam simulasi itu turut dipaparkan jenis enjin, masa, minyak dan pelbagai teknikal lain dengan jelas dan tepat.

Perisian

- Ketepatan perisian berbeza mengikut jenis dan simulator yang boleh diperolehi dalam pasaran, bagi meningkatkan kecakapan pengendalian pesawat mengikut laluan penerbangan yang ditentukan.
- Semua jenis perisian simulator boleh diperolehi dalam pasaran oleh mana-mana pihak berminat, sama ada untuk koleksi peribadi atau berlatih untuk kemahiran.
- Perisian simulator boleh dibeli pada harga serendah RM12 dan boleh terus digunakan dalam komputer.
- Hanya perlu mengikut tujuh langkah mudah bermula dengan membuka suis pemula, diikuti memilih jenis penerbangan dan pesawat, destinasi dan laluan.



GRAFIK HARIAN METRO: FAIMY HASHIM

'Zaharie's simulator logs deleted'

RETRIEVING INFO:

Info on flight simulator removed on Feb 3

SELANG

THREE data logs from Captain Zaharie Ahmad Shah's flight simulator were deleted about a month before Malaysia Airlines (MAS) flight MH370 went missing en route from Kuala Lumpur to Beijing 12 days ago.

Inspector-General of Police Tan Sri Khalid Abu Bakar said police forensics teams and their international counterparts were working to retrieve the logs from three flight simulation programmes: Flight Simulator X, Flight Simulator 9 and XFlight10.

Khalid said other experts, including CyberSecurity Malaysia and MAS, were roped in to extract the logs, which were deleted on Feb 3.

"The families of the pilots (including co-pilot Fariq Abdul Hamid) have given us their full

cooperation," Khalid said yesterday.

Police seized the flight simulator from Zaharie's house in Shah Alam more than three days ago, as authorities believed it may hold clues as to where MH370 had gone after it disappeared from radar.

The move to retrieve data from the simulator was intensified after corroborated information revealed that MH370's Aircraft Communications Addressing and Reporting System (ACARS) and transponder were deliberately switched off.

Khalid said the case of the missing aircraft was being investigated under Section 130 (C) of the Penal Code dealing with hijacking, terrorism and sabotage offences, Security Offences (Special Measures) Act (Sosma) and Aviation Offences Act 2003.

Acting Transport Minister Datuk Seri Hishammuddin Hussein reiterated that all passengers, pilots and crew of MH370 were innocent until proven otherwise.

"For the sake of their families, I ask that we refrain from unnecessary speculation that might make an already difficult time even harder."

He said investigators had re-

ceived passenger background checks from countries who had nationals onboard the flight. Besides Ukraine and Russia, however, no significant information was found, he added.

He said reports that Thailand's military radars might have tracked MH370 as it flew across Peninsular Malaysia needed to be corroborated.

"We have contacted Thailand's Permanent Secretary of Defence Nipat Thonglek and we have been unable to verify the information."

He said the team was receiving assistance from a French delegation, which included investigators who had worked on locating Air France flight AF447 that crashed into the Atlantic Ocean in 2009.

Their experience, he said, would hopefully help them locate and recover MH370's black box as well as on further action.

Hishammuddin said he had spo-

ken to Admiral Samuel J. Locklear III of the United States Pacific Command on the search-and-rescue operation (SAR) in the southern corridor.

"(The southern corridor) is a vast mass of open sea, which is why some priority has been given to that area. I have spoken to Admiral Locklear on identifying the equipment we need to locate the black box, while the French experts are helping us on the deployment of assets."

He said many of the countries contacted to provide information on raw satellite and radar data had given their full cooperation, given that the situation was unprecedented.

He declined to elaborate on how the data would be used in the SAR operation.

"I think it's premature for us to reveal it. The data is sensitive to all nations involved and I will need

their clearance before I can release it. We do need experts in every aspect so that we can reduce the search areas."

Home Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi said investigators were confident of retrieving data from Zaharie's simulator. He said police were neither accusing the captain of wrongdoing nor putting pressure on his family in investigations but merely exploring all angles to ensure a thorough probe.

Zahid said police had roped in Boeing 777 and flight training simulation experts, as well as information technology professionals to help in investigations.

The ministry, he said, would meet with agencies soon to discuss improvements in security protocols at airports, including the Kuala Lumpur International Airport and other entry points nationwide.

Zahid debunked claims that Malaysia had withheld information from international agencies, saying Malaysia had requested their assistance, including Interpol, which had worked closely with local authorities since the first day.



Flight simulator's info erased

Experts now trying to recover deleted data



Mystery of MH370 DAY 13

PUTRAJAYA: Most of the information from Capt Zaharie Ahmad Shah's private flight simulator has been erased.

Inspector-General of Police Tan Sri Khalid Abu Bakar told the daily press conference at the Sama-Sama Hotel here that most of the data in the simulator had been erased on Feb 3, but experts were now trying to recover the data by tracing the forensic footprint.

The IGP's statement debunks a report in a daily which reported that five landing sites had been discovered in the MH370 pilot's flight simulator.

The daily reported on Tuesday that the simulator showed five landing sites in the northern and southern corridors of the ongoing search and rescue operation.

The sites were Sri Lanka, Maldives, Diego Garcia and two in India.

Asked to comment on the report, the IGP said: "It is false."

He said forensic experts, including Cyber Security and Malaysia Airlines (MAS) as well as their foreign counterparts were working on recovering the deleted data log.

"We took away the simulator on Sunday and discovered there were three games in the device - Microsoft Flight Simulator 10 (FSX), Microsoft Flight Simulator 9 (FS9) and X-Plane 10.

He added that Capt Zaharie's family had given their full cooperation in the investigation.

Home Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi also confirmed that most of the information had been erased.

"However, investigators may be able to recover some of the erased data," he told a press conference yesterday.

He clarified that police were not out to prosecute Capt Zaharie or

Life rafts on a Malaysia Airlines Boeing 777-200

A life raft's supplies include a flare for both day and night, flashlight, first-aid kit, water pouch, water purification tablets, whistle, mirror for signalling, dye marker, bucket, knife and raft repair kit.

When the airplane door is "armed", the slide raft will deploy automatically when the door opens.

The pressure on each life raft is checked before every flight.

The life raft is made of nylon material, which is reflective polyester urethane-coated and single-ply.




Each life raft can carry 60 people and there are 8 on each airplane

Source: Malaysia Airlines

©The Star Graphics by Izudin and Hafeez

Some technologies used in deep-sea salvage of an aircraft



Source: World Wide Web

apply pressure on any family member.

"All actions are aimed at producing a complete investigation so we can discover the reason or cause behind the missing plane," he said.

On co-pilot Fariq Abdul Hamid, Dr

Ahmad Zahid said police had not uncovered anything to indicate he was involved in a deliberate act of steering the plane off course.

He added that police had completed background checks on all 237 people on board the flight but more

detailed checks were still being conducted.

Dr Ahmad Zahid also confirmed that the two Iranians who boarded the flight using stolen passports had been cleared of any terrorist link.

Game logs on pilot's simulator deleted, says IGP

THE game logs in a Boeing 777 simulator belonging to MH370 pilot Captain Zahari Ahmad Shah had been deleted more than a month before the plane went missing.

Inspector-General of Police Tan Sri Khalid Abu Bakar said the logs were deleted on Feb 3 and investigators were trying to retrieve data which had been wiped out.

"We found there were three flight simulator games — Flight Simulator X, Flight Simulator 9 and Flight Simulator 10," he said at a press conference at Sama Sama Hotel yesterday.

"Forensic experts, including those from CyberSecurity (Malaysia), Malaysia Airlines and foreign experts, are examining information which has been deleted from the flight simulator software."

The simulator was seized from the pilot's house in Shah Alam on Sunday and reassembled by police in the hope of getting some clues on the plane.

Acting Transport Minister Datuk Seri Hishammudin Hussein said he had met with the French Civil Aviation Safety Investigation Authority which had agreed to assist the search and rescue team.

"They have knowledge based on the Air France aircraft crash whereby it took them two years to locate the black box. Their information and knowledge will assist us," he said.

Asked what action would be taken if MH370 was not located after 30 days, he said: "We will take it from there."

Experts have said it might be difficult to locate the black box as the battery life of an underwater locator beacon can only last 30 days and it may be difficult to detect it once the time is up.

Hishammuddin also said Malaysia had received some radar data but he did not name the countries which had provided the information.

"The data is very sensitive and it's a bit premature to reveal it. I need to get clearance before I can reveal it," he said.

"I leave it to the experts to analyse and digest this data."

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 20 MAC 2014 (KHAMIS)



Gempa Bumi Sederhana Landa Laut Banda

KUALA LUMPUR, 19 Mac (Bernama) -- Satu gempa bumi sederhana 5.1 pada skala Richter, berlaku di Laut Banda, Indonesia pada 10.38 malam Rabu, lapor Jabatan Meteorologi Malaysia.

Pusat gempa itu ialah 385km sebelah tenggara Ambon di Indonesia dan 1,787km sebelah tenggara Semporna, Sabah, kata laporan itu.

Gempa itu bagaimanapun tidak mencetuskan tsunami.

--BERNAMA

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 20 MAC 2014 (KHAMIS)



Angin Kencang Dan Laut Bergelora Kategori Kedua Sabtu Ini

KUALA LUMPUR, 19 Mac (Bernama) -- Angin kencang dan laut bergelora kategori kedua kini melanda di perairan Sabah (Pantai Barat, Kudat dan Sandakan), Wilayah Persekutuan Labuan dan Miri di Sarawak dijangka bermula pada Sabtu ini 22 Mac hingga Khamis depan 27 Mac.

Jabatan Meteorologi dalam satu kenyataan berkata keadaan angin dengan kelajuan 50 hingga 60 km sejam dan ombak mencapai ketinggian 4.5 meter itu, berbahaya kepada semua aktiviti perkapalan dan pantai termasuk menangkap ikan dan perkhidmatan feri.

Keadaan yang sama turut berlaku di kawasan perairan Condore, Reef North, Layang-layang, Palawan dan Sulu.

-- BERNAMA

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 20 MAC 2014 (KHAMIS)



Siren Amaran Tsunami Di Tawau Berfungsi Dengan Baik - Meteorologi



TAWAU, 19 Mac (Bernama) -- Siren Amaran Awal Tsunami yang dipasang di perkarangan Masjid Al-Kauthar di sini pada 2006 masih berfungsi dengan baik, kata pegawai Meteorologi Tawau Zamunah Zainal.

Beliau berkata pemeriksaan berkala dijalankan terhadap siren berkenaan setiap tahun kerana ia sangat berguna kepada penduduk terutamanya yang tinggal di kawasan pesisir pantai.

"Siren amaran itu dipasang di kawasan berkenaan bagi memberi amaran awal dan mesej kepada penduduk yang tinggal di pesisiran supaya berjaga-jaga kemungkinan berlakunya Tsunami.

"Ia mempunyai empat fungsi utama iaitu percubaan awal, menyampaikan mesej berwaspada kepada orang ramai, amaran Tsunami dan menarik balik amaran Tsunami," katanya kepada Bernama selepas menguji peralatan itu di sini.

Zamunah berkata siren amaran itu boleh didengari penduduk yang tinggal antara satu hingga dua kilometer dari peralatan itu dipasang dan ia dikawal sepenuhnya, ibu pejabat di Petaling Jaya.

"Kami turut membuat pemantauan berkala terhadap siren seperti itu yang dipasang di daerah Semporna, Kunak dan Lahad Datu," katanya.

-- BERNAMA